

FAHAM AHLUS SUNNAH DALAM DASAR KEAGAMAAN

AZMI ABDULLAH



ARKIB

rbm
fAC895
M22A994

FAHAM AHLUS SUNNAH DALAM DASAR KEAGAMAAN
MAJLIS HAL EHWAL UGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
ANTARA TAHUN 1964-1976 DAN KESANNYA TERHADAP
INSTITUSI MASSA

Untuk

oleh:

oleh

AZMI ABDULLAH

Cikma

Aida

Amal

dan:

redia Ibrahim.

Latihan Ilmiah untuk keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
Sessi 1982/83

Untuk:

Anak-anak
Isteri
yang tersayang
Cikma
Aida
Asrul

dan:

Kedua Ibubapa.

KANDUNGAN

DAFTAR GAMBARAJAH	iv
PENDAHULUAN	v
PENGHARGAAN	viii
KEPENDEKAN	ix
BAB 1 - KEDUDUKAN ISLAM DI PERLIS DALAM KONTEKS PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG DASAR PENTADBIRAN MELAYU 1963	1
BAB 2 - AHLUS SUNNAH DALAM DASAR MAJLIS HAL EHWAL UGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS	
Asal-usul Aliran Ahlus Sunnah	13
Struktur Pentadbiran Agama Islam	20
Dasar Keagamaan	27
BAB 3 - PENGARUH MUIPS TERHADAP INSTITUSI DAN ORGANISASI MASSA.	
Masjid dan Surau	49
Pentadbiran dan Organisasi Masjid	52
Lembaga Kebajikan Masjid	56
Urusan dan Khairat Kematian	60
Alim-ulama	63
BAB 4 - PENUTUP	73
BIBLIOGRAFI	77
LAMPIRAN-LAMPIRAN	84

DAFTAR GAMBARAJAH

Organisasi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Perlis

21

PENDAHULUAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat polisi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Perlis terutamanya tentang dasar keagamaan institusi itu terhadap institusi dan organisasi massa.

Hal ini telah menarik perhatian saya kerana institusi pentadbiran agama itu memainkan peranan yang terpenting untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat Islam di negeri Perlis, tetapi juga kerana dasar keagamaan institusi pentadbiran agama Islam itu agak berlainan dari negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan itu adalah dari segi aliran faham agama yang didokong oleh pihak institusi pentadbiran agama Islam di negeri itu berbanding dengan institusi-institusi di negeri lain.

Melihat kepada perbezaan inilah maka ia telah menarik perhatian saya untuk melihatkan bagaimana pihak autoriti agama di institusi itu menggunakan serta mempertahankan dasar keagamaan ini terutamanya memandangkan perbezaan aliran faham di negeri-negeri lain di Malaysia akan menjadi cabaran kepada aliran faham agama yang cuba dipertahankan oleh pihak autoriti agama di Perlis. Aliran faham agama yang cuba dipertahankan oleh pihak autoriti agama di institusi itu ialah suatu aliran faham yang agak liberal dan melalui kajian ini dapat dibuat penilaian sejauh mana aliran faham itu memberi kesan penting kepada masyarakat Islam di Perlis.

Tempoh masa di antara tahun 1964 hingga 1976 itu telah dipilih kerana sejak tahun 1964 itulah bermulanya pelaksanaan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam tahun 1963, iaitu undang-undang

yang menjadi sumber dasar pentadbiran agama yang utama di negeri Perlis selepas Merdeka. Di tahun 1976 itu pula telah mula ketara pihak tertentu di dalam institusi pentadbiran agama di negeri itu yang berkeinginan untuk memberi pendekatan baru di dalam dasar keagamaan institusi itu supaya sealiran dengan dasar keagamaan institusi-institusi lain di Malaysia. Dan ini telah memberi beberapa kesan tertentu.

Di dalam membuat kajian ini, saya telah menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan fakta-fakta terutamanya dari pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam sendiri, memandangkan Lapuran Tahunan Jabatan itu telah tidak disusun dengan cukup kemas dan cara lapuran itu dibuat agak kurang konsisten. Selain daripada Lapuran Tahunan jabatan itu, saya juga bergantung kepada beberapa dokumen, risalah-risalah yang dikeluarkan olehnya. Sebahagian besar dari maklumat yang saya dapati adalah melalui temubual dengan beberapa orang yang terlibat serta soalselidik yang telah saya hantar-kan kepada semua imam-imam di negeri itu.

Untuk kajian saya ini, saya telah membahagikannya kepada beberapa bab. Di dalam bab yang pertama, satu latarbelakang kepada sejarah perkembangan dasar pentadbiran agama Islam di negeri Perlis sehingga tahun 1963, telah dibuat. Di dalam bab kedua, saya telah menghuraikan tentang struktur dan organisasi institusi pentadbiran agama itu untuk menunjukkan bagaimana kekuasaan dan dasar institusi itu dipraktikkan. Walaupun demikian saya telah tidak memberi perhatian khusus kepada pentadbiran am jabatan

itu kerana saya hanya ingin memberi perhatian kepada dasar-dasar keagamaan institusi itu terhadap institusi dan organisasi massa serta kesan-kesannya. Di dalam bab yang ketiga itulah saya telah memberi perhatian kepada kesan dasar institusi pentadbiran agama Islam terhadap institusi dan organisasi massa. Di dalam bab yang keempat yang lebih merupakan bab penutup saya telah memberi penilaian saya tentang dasar atau kesan dasar keagamaan institusi pentadbiran itu.